

NO. SOALAN: 422

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan pelancaran Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH). Sejauh mana ianya mendapat kerjasama daripada rakyat, NGO dan parti-parti politik.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Sejak GERAH dilancarkan pada 1 Ogos 2017, SPRM telah berjaya mendapatkan komitmen seramai lebih kurang 100,000 ahli masyarakat sebagai Sahabat GERAH SPRM. Sahabat GERAH tidak dibezakan samada mereka di kalangan rakyat biasa, NGO atau mana-mana ahli politik. Sahabat GERAH akan bersama-sama dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah, melalui sumbangan

tenaga dan buah fikiran. Sahabat GERAH SPRM juga akan menjadi medium interaksi antara SPRM dengan masyarakat. Sehingga kini, sambutan masyarakat terhadap Sahabat GERAH amat menggalakkan.

Menerusi Gerah, SPRM juga telah melancarkan kempen 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle) yang disebar luaskan dengan tujuan menyampaikan mesej kesedaran kepada rakyat supaya tidak sesekali terlibat dalam perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Kempen ini telah berjaya disebar dengan meluas di pelbagai medium media massa. Analisis harian melalui *sistem Isentia News Alert* mendapati peningkatan ketara bilangan laporan dan berita berkaitan rasuah dan mesej 3J di media-media arus perdana.

Sekian, terima kasih.